

PM: Teruskan kerjasama kaum tanpa mengira siapa memimpin

Oleh ZUHAIRI ALI

UM 26 JUL 2003

MIRI 25 Julai — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengingatkan pentingnya formula kerjasama di antara kaum yang terbukti membawa keamanan dan kemakmuran kepada negara, diteruskan tanpa mengira siapa yang akan memimpin.

Perdana Menteri berkata, adalah menjadi tanggung jawab pemimpin serta rakyat untuk memastikan formula yang diilhamkan oleh Allahyarham Tunku Abdul Rahman itu diteruskan agar keamanan dan pembangunan berkekalan.

“Siapa pun yang menjadi Perdana Menteri atau Ketua Menteri tidak mengapa, tapi formula kita ini perlu dikekalkan agar nikmatnya berterusan,” katanya.

Beliau berkata demikian semasa berucap merasmikan bangunan terminal baru Lapangan Terbang Miri yang berharga RM210 juta di sini hari ini.

Majlis itu turut dihadiri Ketua Menteri, Tan Sri Abdul Taib Mahmud dan Menteri Pengangkutan, Datuk Chan Kong Choy sambil **disaksikan** oleh lebih 10,000 orang rata-ratanya penduduk Miri.

Dr. Mahathir menarik **perhatian, keamanan** yang **menyediakan** peluang kepada pertumbuhan aktiviti ekonomi, adalah **kunci** kejayaan pembangunan **negara** untuk dinikmati oleh rakyat **tanpa** mengira status masing-masing.

Menurutnya, **apa** yang dicapai oleh Malaysia sehingga **kini** perlu disambut dengan rasa syukur dan terima kasih **memandangkan** **banyak** negara lain yang mempunyai rakyat pelbagai kaum, **terus** dihimpit masalah seperti rusuhan.

Toleransi

“Namun di Malaysia berbeza apabila wujud suasana **harmonis** antara kaum, **ini** kerana kerajaan **kita** diwakili semua kaum dan agama.

“Tidak kurang penting sikap rakyat **kita** sendiri yang mahukan keamanan,” katanya sambil memuji sikap **bertanggungjawab** untuk mengekalkan keamanan **turut ditunjukkan** oleh **para** pekerja, kesatuan-kesatuan sekerja, pelabur dan sebagainya.

Beliau **menjelaskan**, toleransi antara kaum dan keamanan yang terbentuk, **men** cetuskan iklim ekonomi yang baik sehingga ramai **usahawan** tempatan memperoleh **ke**untungan.

Tambahnya, proses **memperkayakan** negara **ini** bukan menguntungkan mereka yang berada sahaja, malah **telah** menjadi dasar kerajaan menerusi polisi percukaian **bagi** mengagihkan kemewahan kepada **rak**yat yang miskin dan kurang bernasib baik.

“**Kita** tidak perlu **çemburu** bila **ada** orang jadi **kaya-raya**, **mereka** **ini** dialu-alukan untuk terus mengaut untung sebanyak **mungkin** kerana 28 peratus daripada duit mereka, adalah **kita** punya,” ujarnya.